

01 NOV 2003

Abdullah-Syukur

ABDULLAH BERSYUKUR MEWARISI KERAJAAN YANG BERKESAN

PULAU PINANG, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri baru Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata beliau bersyukur kerana mewarisi sebuah kerajaan yang sungguh berkesan dan berjaya serta negara yang termaju antara negara membangun hasil kepimpinan pendahulunya, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dalam ucapan sulungnya sebagai Perdana Menteri sempena majlis sambutan kepulangannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini, beliau berkata kejayaan itu adalah hasil daripada usaha dan jasa Dr Mahathir selama 22 tahun memegang teraju negara.

Abdullah, yang diiringi isterinya Datin Seri Endon Mahmood, sebelum itu diberi sambutan meriah oleh beribu-ribu rakyat termasuk anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) setibanya di terminal lama lapangan terbang itu.

Abdullah mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara semalam, menggantikan Dr Mahathir yang memilih untuk bersara.

Abdullah berkata sebagai seorang yang pernah bekerja sebagai timbalan pengerusi Umno dan BN, beliau mengetahui dasar-dasar yang dirancang oleh Dr Mahathir.

"Semua dasar-dasar itu digubal atas nama muafakat. Sebenarnya itu adalah dasar kita bersama.

Dasar itu dapat dilaksanakan apabila semua jentera parti (BN) dan rakyat memberi sokongan untuk membolehkan negara terus maju," kata beliau.

Abdullah berkata hasil sokongan itu juga memberi kekuatan kepada BN menubuhkan kerajaan dengan kelebihan dua pertiga kerusi.

Oleh demikian, beliau berkata, anggota BN perlu bekerja lebih kuat bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang supaya mendapat kemenangan lebih besar berbanding pada tahun 1999.

"Inilah harapan saya. Saya tidak minta tuan-tuan bekerja untuk saya, tetapi perlu bekerja bersama-sama saya untuk bangsa, agama dan negara," katanya.

Turut hadir pada majlis sambutan itu ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Abdullah juga berkata, tidak ada mana-mana pemimpin pun yang boleh berjaya tanpa sokongan padu daripada anggota-anggota parti, kawan-kawan dan masyarakat.

"Itulah yang terjadi kepada saya. Kalau tidak macam mana saya boleh jadi Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri," katanya.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada semua sokongan yang diberikan, beliau berjanji tidak akan melupai sokongan yang diberikan.

Beliau berkata masyarakat juga perlu memahami tugas dan tanggungjawab beliau yang bertambah berat serta menuntut banyak masa dan tenaga, bukan sahaja tugas di dalam negeri, bahkan juga di luar negeri.

Katanya, beliau yakin sokongan daripada anggota parti dan masyarakat terhadap beliau bukanlah atas dasar peribadi tetapi atas dasar beliau adalah ketua Barisan Nasional.

"Tuan-tuan sokong saya bukan kerana saya Abdullah bin Ahmad Badawi, tetapi kerana saya mengepalai satu perjuangan yang namanya perjuangan Umno dan Barisan Nasional," kata beliau.

Atas fahaman itulah, beliau berharap semua pihak terus memberikan sokongan kepada beliau untuk memimpin BN dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada negara.

Menyingkap perjuangan politiknya, Abdullah berkata, perjuangan politiknya bukanlah baru kerana sebelum menjadi anggota Parlimen Kepala Batas pada 1978, beliau telah menjadi anggota Umno pada 1965.

"Bukanlah sekejap saya bekerja dengan Umno, kemudiannya naik pangkat. Teruk juga, terpelanting keluar, masuk balik, naik turun, akhirnya sampai juga ke peringkat akhir. Terima kasih kepada orang Pulau Pinang," kata beliau.

Beliau meminta semua anggota BN supaya memastikan BN terus maju dan berjaya serta sentiasa memberikan khidmat yang cemerlang kepada rakyat.

"Kita berpegang kuat kepada prinsip kerja kuat antara kaum dan berkongsi kuasa dalam kerajaan. Kita juga mengutamakan muafakat dan kerjasama dalam menjalankan tanggungjawab kita," katanya.

Beliau turut mengharapkan Pulau Pinang serta negeri-negeri lain di seluruh negara bertambah maju.

Perdana Menteri mengakhiri ucapan selama kira-kira 10 minit itu dengan laungan "Maju Malaysia" dan "Berjaya Malaysia" yang turut disambut oleh kira-kira 30,000 hadirin.

-- BERNAMA

SA AA ZS MOZ